

PEMBANGUNAN KERANGKA DEFINISI SENI BINA MELAYU MODEN DI MALAYSIA

*¹Azmal Sabil, ¹ Muhamad Hanafi Rahmat, ²Sumarni Ismail, ³Nayeem Asif

¹ Jabatan Senibina,
Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

² Department of Architecture,
Faculty of Design and Architecture,
University Putra Malaysia.

² Department of Architecture,
Kulliyah of Architecture and Environmental Design,
International Islamic University of Malaysia.

*Correspondence e-mail: azmal@uthm.edu.my

ABSTRAK

Pembangunan rekabentuk yang tidak mencerminkan kebudayaan Malaysia telah mencetus paradigma pemikiran bagi mencipta suatu karekter rekabentuk yang mencerminkan identiti Malaysia sebagai sebuah negara yang kaya dengan budaya. Wacana pembangunan identiti seni bina nasional ini telah mula dibicarakan seawal tahun 1950-an melalui penerbitan yang bertemakan 'towards a Malayan Architecture' (ke arah seni bina Malaya). Salah satu resolusi yang disepakati di dalam membina karekter identiti seni bina nasional ialah melalui pengadaptasian nilai kesenian Melayu di dalam rekabentuk bangunan (Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan, 1981). Setelah melebihi enam dekad, perbahasan mengenai identiti seni bina Malaysia ini dilihat tidak berkesudahan sehingga ke hari ini. Walaupun pembudayaan nilai tradisional pada pembangunan moden dilihat penting bagi membina karakter identiti negara, pengaruh modenisasi tidak harus diabaikan, khususnya modenisasi masyarakat Melayu. Justeru, sangat penting untuk menjustifikasi hubungan di antara tradisional dan moden, serta apakah aspek yang penting bagi mengimbangi kerangka tradisional dan moden pada pendekatan seni bina hari ini. Oleh itu, pendefinisian senibina Melayu moden adalah penting di dalam merubah halatuju perbahasan 'identiti seni bina nasional' yang telah dibahas sekian lama. Kajian ini menilai dan menstruktur semula apakah yang dimaksudkan dengan 'seni bina melayu moden' di dalam konteks masyarakat hari ini. Kajian ini dilaksanakan dengan metodologi kualitatif, berdasarkan teori, konsep dan perbahasan mengenai isu modenisasi dan perkembangan senibina yang berlaku di Malaysia dan barat. Kajian ini diharap akan dapat memberi impak yang besar di dalam perangkaan dan pembangunan 'identiti senibina Nasional' pada masa akan datang.

Kata kunci: *Identiti seni bina Nasional, Seni bina Melayu Moden*

PENGENALAN

Sebagai sebuah Negara membangun dengan kadar yang begitu pesat, pembangunan seni bina di Malaysia mempunyai pelbagai variasi dan warna. Seperti yang dinyatakan oleh Fee (1998), seni bina di Malaysia telah berkembang daripada sebuah bangunan berstruktur ringkas, kepada kompleks bangunan berskala besar yang wujud pada hari ini. Dengan kedudukan geografi yang strategik, Malaysia telah menjadi pusat pertembungan idea, budaya dan pengaruh luar daripada timur dan barat. Hasilnya, pembangunan Malaysia telah dipengaruhi oleh idea dan budaya daripada luar sehingga menghasilkan seni bina campuran yang kaya dari sudut diversiti dan percampuran budaya. (Fee, 1998; Mursib, 2008)

Menyingkap permulaan pembangunan seni bina di tanah melayu, Mursib (2008) menyatakan bahawa seni bina vernakular tradisional adalah merupakan seni bina asli (indigenous) yang tumbuh di Malaysia. Ianya dibangunkan secara dari keperluan, nilai serta pandangan (world view) masyarakat pribumi. Di sudut lain, Endut (1993) menyatakan bahawa adalah sukar untuk menjejaki luhur asal bangunan asli di Tanah Melayu. Ini disebabkan bangunan asli di Tanah Melayu mempunyai daya ketahanan yang rendah disebabkan oleh penggunaan kayu sebagai bahan binaan utama. Akibatnya, sebahagian besar bangunan Melayu asli ini telah pupus. Disamping itu, kewujudan bangunan asli di Tanah Melayu ini juga tidak direkodkan dengan mendalam di dalam riwayat sejarah. Sungguhpun begitu, Fee (1998) menyatakan, walaupun struktur asal bangunan ini telah lenyap, akan tetapi karakter bangunan asli ini masih dapat dilihat pada rupabentuk bangunan masyarakat Asli di sesetengah negara Asia Tenggara.

Mursib (2008) menyatakan bahawa, seni bina vernakular tradisional yang paling berkembang di Malaysia adalah seni bina Melayu tradisional. Ini dapat dilihat pada pembangunan rekabentuk pada rumah Melayu Tradisional. Seperti yang dinyatakan oleh Fee (1998), ketika kedatangan Portugis ke Kota Melaka pada 1511, Masyarakat melayu pada ketika itu telah membangunkan suatu seni bina yang sofistikated bagi rumah kediaman mereka. Ianya dikenali dengan karakter bumbung curam, sistem kerangka alang dan tiang, dan dibina dengan menggunakan kayu sebagai bahan binaan utama. Karakter rekabentuk ini adalah sangat bersesuaian dengan iklim tropikal Tanah Melayu pada ketika itu (Fee, 1998; Mursib, 2008).

Penjajahan Barat di Tanah Melayu secara tidak lansung telah mempengaruhi perkembangan seni bina Melayu tradisional di Malaysia. Mereka telah membawa masuk bahasa seni bina barat, dan mengaplikasi bahasa seni bina ini di Tanah Melayu (Fee, 1998). Ianya bermula dengan kedatangan Portugis ke kota Melaka, yang ketika itu mencari alternatif jalan baru perdagangan ke kepulauan Maluku (Spice Island). Setelah kejatuhan Kota Melaka ke tangan Portugis, mereka telah membina kompleks bangunan yang dikenali sebagai A Famosa. Pembinaan Kota A famosa ini adalah sebagai kubu pihak portugis, di mana di dalamnya di bina istana, dewan, gereja dan juga hospital. Dari sudut rekabentuk, pihak Portugis telah membawa bahasa seni bina Manueline Gothik, yang merupakan bahasa seni bina Gothik terakhir seperti yang terdapat di Portugal. Karakter bahasa seni bina ini juga sinonim dengan bentuknya seperti sebuah rumah bangsal atau ladang, dan dibina bersegi empat (Vlatseas, 1998). Seterusnya, selepas pihak Belanda mengambil alih jajahan Kota Melaka dari pihak Portugis, bahasa seni bina Belanda mula mewarnai pembangunan di Kota Melaka. Salah satu bangunan yang dominan ialah bangunan 3 tingkat Stadthuys, di mana salah satu karakter bahasa seni bina pihak belanda di tanah Melayu ialah pembinaan 'gable wall' (dinding tebar layar) yang menyerlah dan dibina tinggi

dari aras bumbung. Bangunan dengan bahasa seni bina seperti ini juga boleh dilihat dibina di Indonesia, yang juga merupakan tanah jajahan pihak Belanda (Vlatseas, 1998).

Penjajahan Tanah Melayu seterusnya dikuasai oleh pihak British. Ianya merupakan zaman penjajahan yang panjang di Tanah Melayu. Di bawah zaman penjajahan British ini, pelbagai bahasa seni bina baru telah dibawa masuk oleh mereka. Menurut Mursib (2008), pihak British telah membawa masuk dua jenis gaya seni bina utama. Ianya adalah gaya Neo Klasikal, bahasa seni bina yang diasaskan daripada seni bina Greek dan Roman. Gaya neo Klasikal ini telah diadaptasi pada kebanyakan binaan bangunan awam di bandar-bandar utama di Tanah Melayu pada ketika itu. Manakala, bahasa seni bina yang kedua adalah gaya Raj dan Mogul, iaitu bahasa seni bina yang dibawa dari India untuk mencerminkan identiti Islam Malaya pada ketika itu. Seperti yang dinyatakan Vlatseas (1998), antara bangunan utama yang mengadaptasi bahasa seni bina ini ialah bangunan Sultan Abdul Samad, stesen keretapi Kuala Lumpur, Masjid Ubudiah di Kuala Kangsar dan beberapa bangunan lain. Selain daripada membawa masuk bahasa seni bina baru, terdapat juga bahasa seni bina baru yang wujud hasil pengolahan karakter seni bina barat dengan bahan binaan tempatan. Antara bangunan yang mengamalkan rekabentuk ini ialah 'the Malayan Bungalow', iaitu rumah kediaman bagi kebanyakan pegawai British. Rekabentuk kediaman ini merupakan gabungan rekabentuk tempatan dan juga Eropah. (Vlatseas, 1998)

Selain dari faktor penjajahan, kehadiran bangsa Cina dan India di tanah Melayu juga telah menyumbang variasi corak seni bina di Malaysia. Sebahagian pedagang Cina telah bertapak di tanah Melayu sekitar kurun ke 14 dan telah memperkenalkan rekaan rumah dengan elemen 'courtyard' di tengah-tengahnya (Endut, 1993; Valtseas 1998). Ianya juga terkenal dengan gelaran clan house. Selain itu, rekaan tangga batu juga sinonim dikaitkan dengan rekaan yang dibawa masuk oleh golongan ini. Antara bangunan rumah awal kaum Cina yang dibina di Melaka adalah deretan bangunan di Jalan Tun Tan Cheng Lock. Rekaan bangunan ini adalah berasaskan karakter rumah Cina tradisional. Golongan pedagang Cina pada masa itu juga telah membina bangunan tokong sebagai rumah ibadat mereka. Selain daripada bangunan ibadat, kaum Cina juga terkenal dengan bangunan deretan kedai dua tingkat yang kebanyakannya dibina di pekan-pekan kecil yang baru (Endut, 1993; Valtseas 1998). Manakala, kaum India yang dibawa masuk sebagai buruh, khususnya bagi perladangan getah telah membawa masuk seni bina kuil sebagai bangunan ibadat mereka (Vlatseas, 1998). Kehadiran kaum Cina dan India ini telah memberi pelbagai warna di dalam corak pembangunan seni bina di Malaysia.

Secara keseluruhannya, Mursib (2008) menyatakan bahawa seni bina di Malaysia telah melalui proses evolusi yang mengakibatkan transformasi pemodenan dan sosiobudaya yang pesat. Ianya melibatkan proses perubahan dari budaya 'indigenous' vernakular kepada budaya moden, di mana sehingga satu tahap terjadinya proses penyingkiran tradisi vernakular. Seperti yang dinyatakan Vlatseas (1998), selari dengan peredaran masa, pembinaan bangunan yang menggunakan karakter seni bina Melayu tradisional hanya tertumpu kepada bangunan kediaman. Teknik seni bina baru yang lebih moden bersama pengaruh seni bina luar yang dibawa penjajah telah mendominasi corak pembangunan di bandar. Sehingga ke satu tahap, pembangunan bangunan seni bina Melayu Tradisional hanya tertumpu di kawasan kampung sahaja, iaitu bagi kediaman masyarakat Melayu (Vlatseas, 1998).

ISU DAN PEMASALAHAN

Senario pembangunan di Malaysia berkembang dengan begitu pesat. Ini ditambah lagi dengan teknologi pembinaan baru, ideologi baru yang dibawa oleh graduan arkitek luar negara, serta perkembangan politik moden dan ekonomi yang telah memacu perkembangan pembangunan di Malaysia, terutama di kawasan bandar. Pembangunan baru ini lazimnya bersifat moden dan di satu sudut tidak melambangkan kebudayaan majoriti masyarakat di Malaysia, iaitu masyarakat Melayu. Seperti yang dinyatakan di bahagian sebelumnya, sehingga ke satu tahap, pembinaan bangunan yang menggunakan bahasa seni bina Melayu tradisional hanya dibina di kawasan kampung (Vlatseas, 1998), di mana di kawasan inilah penduduknya ramai berbangsa Melayu. Pada sudut politiknya, penempatan masyarakat Melayu di kampung ini adalah disebabkan sistem pengasingan populasi yang telah dibentuk oleh pihak British sebelum kemerdekaan (Omar, 2015). Disamping itu, ianya juga adalah kesan daripada peperangan dunia kedua yang memaksa sebahagian penduduk berpindah ke kampung dari kawasan Bandar (Vlatseas, 1998).

Senario ini secara lazimnya dianggap sebagai salah satu ancaman terhadap pembangunan identiti Negara sebagai sebuah Negara yang kaya dengan tamadun, budaya dan warisan. Ini kerana, majoriti binaan yang mencorak bumi Malaysia pada ketika itu dilihat seakan-akan berbahasa asing, atau dalam erti kata lain seperti dijajah budaya asing. Walhal, Malaysia pada ketika itu telahpun merdeka. Menurut Majid (2017), menjelang tahun 1970-an, persepsi bahawa bahasa seni bina luar adalah lebih baik berbanding bahasa seni bina tempatan, sehingga menyebabkan terlalu banyak bangunan berwajah pengaruh seni bina luar dibina di Kuala Lumpur. Hal ini membangkitkan kesedaran mengenai identiti Malaysia yang semakin lenyap. Sebagai reaksi kepada isu ini, idea dan seruan di dalam pembangunan identiti seni bina nasional dicetuskan, dengan kerjasama di antara arkitek dan juga pihak kerajaan melalui kementerian kebudayaan pada ketika itu. (Majid, 2017)

Seperti yang dinyatakan di bahagian awal, wacana pembangunan identiti seni bina nasional ini telah mula dibicarakan seawal tahun 1950-an melalui penerbitan yang bertemakan 'towards a Malayan Architecture' (ke arah seni bina Malaya). (Morley, 1955; Yong, 1956; Hewish, 1956; Possener, 1957).


Wacana tentang isu identiti seni bina di Malaysia ini seterusnya dibahas dengan lebih kritikal oleh Raymond Honey, yang juga berkhidmat sebagai arkitek di ibu pejabat Jabatan Kerja Raya pada ketika itu, dengan membawa tema yang lebih jelas di dalam membangunkan bahasa seni bina 'An Architecture for Malaya' (seni bina untuk Malaya). (Honey, 1960). Raymond Honey sendiri pada awalnya telah mula merekabentuk bangunan yang mencerminkan identiti Malaya (Malaysia pada hari ini) melalui rekabentuk bangunan Dewan Jubli Intan di Johor pada tahun 1955. Di dalam proses rekabentuk bangunan ini, Gerald Templer yang merupakan Pesuruhjaya Tinggi kerajaan British ke Tanah Melayu pada ketika itu telah menyarankan Raymond Honey untuk menghasilkan rekabentuk bangunan yang mencerminkan identiti Malaya, bagi meningkatkan semangat kebangsaan rakyat pada ketika itu yang dibayangi krisis penentangan komunis. (Rasdi & Nah, 2009; Rasdi & Sabil, 2018)

Perbincangan mengenai identiti seni bina Malaysia ini dilihat tidak berkesudahan sehingga ke hari ini. Semenjak seruan identiti seni bina kebangsaan ini dilaungkan oleh pihak kerajaan, telah terdapat pelbagai usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak arkitek di dalam merekabentuk bangunan yang beridentiti Malaysia (Mursib, 2008). Perbincangan isu identiti seni bina nasional yang berpanjangan ini telah melahirkan pelbagai reaksi. Antaranya ialah

keperluan di dalam pembangunan identiti seni bina yang dilihat adalah perkara yang kecil, jika dibandingkan komponen lain di dalam seni bina, seperti rekabentuk mapan, isu alam sekitar dan sebagainya (Moerdijat, 2018). Pada masa yang sama, persepsi seperti ini juga mempengaruhi tindakan sesetengah pemain industri pembinaan seperti pemaju hartanah dan pelabur yang melihat pembangunan rekabentuk berasaskan identiti nasional bukanlah perkara utama berbanding dengan aspek lain di dalam pembinaan. Hasilnya, rekabentuk bangunan yang dibiayai oleh mereka direkabentuk tanpa mempertimbangkan isu dan idea identiti seni bina nasional. (Surat, et al., 2010)

Secara dasarnya, persepsi seperti ini lahir jika pemikiran dan pemahaman mengenai identiti disalah erti. Menurut Rasdi (2018), budaya pemikiran identiti seni bina pada masa kini telah melahirkan satu pembangunan pemikiran seni bina yang terkongkong dan statik disebabkan kegagalan pemahaman nilai sebenar identiti yang perlu diketengahkan. Perkara ini disifatkan sebagai 'perangkap identiti', di mana kecenderungan sesebuah institusi yang mengasingkan pendirian mereka daripada kepelbagaian institusi di sekelilingnya, sehingga melahirkan tanggapan bahawa intipati institusi itu adalah lebih baik berbanding yang lain. Hasilnya, di dalam konteks pembangunan identiti seni bina nasional hari ini, pembangunan rekabentuk fizikal lebih diutamakan kerana ianya lebih kelihatan dominan dan unggul di dalam mencerminkan identiti institusi Melayu. Elemen utama yang harus disoroti adalah keluhuran nilai, peradaban dan pemikiran masyarakat Melayu tradisional, yang secara jelas dapat dilihat di dalam setiap perincian rekabentuk bangunan seni bina Melayu tradisional. Jika ditafsir dan dirungkai dengan sebaiknya, rekabentuk berasaskan identiti nasional itu seharusnya dapat menaungi pelbagai aspek utama di dalam pembangunan sesebuah rekabentuk, kerana ianya bertepatan dengan nilai dan keunikan lokal ataupun tempatan tempat sesebuah bangunan itu dibina. Ini termasuklah aspek alam sekitar.

Rasdi (2018) juga mencadangkan agar pembangunan identiti haruslah bersifat dinamik, seiring dengan perjalanan masa, disamping harus mempunyai sifat keterbukaan di dalam membentuk nilai yang baik. Akan tetapi, sebahagian besar pendekatan yang telah dilaksanakan telah mengabaikan sifat dinamik seperti yang dimaksudkan ini. Permasalahan ini adalah disebabkan kelompongan kerangka pemikiran terhadap penafsiran seni bina Melayu, iaitu seni bina yang dipersetujui sebagai sebuah elemen utama di dalam pembangunan identiti seni bina nasional di zaman moden hari ini. Di dalam kajian ini, permasalahan ini akan dirungkai berasaskan persoalan yang akan diterjemahkan terhadap kepelbagaian konsep Melayu yang wujud pada hari ini. Ini adalah penting bagi menjamin sebuah pembangunan nilai seni bina yang bersifat progresif dan dinamik.



Gambarajah 1: Pemikiran seni bina Melayu moden yang seharusnya bersifat dinamik dan berhubung secara lansung dengan skorpus yang luas, termasuklah nilai tradisional, nilai keterbukaan serta bersifat mapan. Pemikiran seni bina Melayu moden seperti ini secara tidak lansung akan mengisi kelompongian pemikiran pembangunan identiti seni bina nasional yang dilihat tidak berhubung dengan aspek ini.

Perbincangan seni bina Melayu moden juga haruslah melihat kepada konsep tradisional, konsep modernisasi, serta konsep perhubungan di antara tradisional dan moden. Pelbagai persoalan yang harus dirungkaikan. Antaranya haruslah menjawab kepada persoalan adakah seni bina Melayu tradisional yang telah diterapkan unsur moden secara fizikal benar-benar bersesuaian dengan norma masyarakat Malaysia pada hari ini? Seperti yang kita ketahui, seni bina itu haruslah berasaskan kepada aspek sezaman. Menyelusuri konsep ini, pelbagai persoalan perlu diutarakan, termasuklah adakah seni bina mengikut zaman ini hanyalah tertakluk kepada perubahan fizikal semata-mata.

Seni Bina Melayu moden haruslah membatasi pemikiran fizikal semata-mata. Seperti yang dinyatakan oleh Utaberta (2011), melalui analisis yang telah dilaksanakan olehnya terhadap ideologi dan pemikiran Le Corbusier di dalam era seni bina moden. Seni Bina moden bukanlah lahir dari aspek perkembangan rekabentuk dan fizikal semata-mata. Ianya adalah satu pertembungan dan integrasi di antara nilai sosial-politik, ekonomi dan budaya yang wujud pada masyarakat pada ketika itu. Ideologi ini seharusnya diadaptasi dan harus dirungkaikan di dalam pendefinisian semula seni bina Melayu di zaman moden pada masa kini. Di dalam kajian ini khususnya, permasalahan utama yang akan dibahas adalah keperluan pendefinisian semula 'seni bina Melayu moden', berdasarkan perpektif nilai rekabentuk dan nilai sosial.

OBJEKTIF KAJIAN

Seperti yang dinyatakan di bahagian yang sebelumnya, permasalahan utama yang akan dibahas adalah pemikiran semula definisi seni bina Melayu dari sudut modenisasi yang

mana masih belum dirungkai sehingga ke hari ini. Di dalam membahaskan isu ini, terdapat persoalan pokok yang diutarakan, iaitu apakah yang dimaksudkan dengan seni bina Melayu moden yang mempunyai makna dan skopus pemikiran yang kritis dan saksama. Berasaskan persoalan ini, objektif utama kajian ini dibangunkan, iaitu untuk merangka definisi baru bagi senibina melayu moden, merangkumi perbahasan mengenai kelompongan pemikiran dan pemahaman di dalam aspek modenisasi warisan senibina melayu tradisional.

METODOLOGI KAJIAN

Di dalam kajian ini, teknik analisis kandungan (content analysis) telah diadaptasi. Teknik analisis kandungan terbahagi kepada dua, iaitu manifest analysis dan juga latent analysis. Bengtsson (2016) menyatakan bahawa, melalui teknik manifest analysis, pengkaji dikehendaki menghuraikan perkara signifikan daripada kandungan asal data, tanpa ada pengubahsuaian dari segi konsep dan makna data yang dikaji. Di dalam kajian ini, teknik manifest analysis digunakan berdasarkan sumber manuskrip, penulisan mahupun petikan. Perbincangan ini dihuraikan berdasarkan konsep asal dan tujuan kandungan data ini. Ini adalah penting di dalam mengenalpasti konsep asal dan pandangan (worldview) di dalam membina justifikasi kajian ini. Sebagai contoh, beberapa jenis penulisan dan petikan telah digunakan untuk membincangkan permasalahan mengenai kelompongan di dalam pemikiran seni bina Melayu moden yang seterusnya mengakibatkan kecelaruan di dalam pembentukan identiti seni bina kebangsaan.

Di samping itu, kepelbagaian konsep, teori dan fakta sejarah yang dibincangkan adalah kandungan asal sumber penulisan dan petikan. Ini penting bagi menjelaskan kefahaman yang mendalam terhadap konsep, teori dan fakta yang telah dibincangkan ini. Sebagai contoh, perbincangan mengenai beberapa konsep Melayu, konsep modernisasi telah dihuraikan dari kandungan asal data. Melalui huraian ini, satu pemahaman yang mendalam mengenai konsep Melayu dan modernisasi ini akan diinterpretasi di bahagian akhir kajian yang menyumbang kepada hasil dapatan kajian. Di sudut yang lain, fakta sejarah yang dibincangkan adalah fakta yang asli. Melalui pengetahuan fakta dan sejarah ini, ia melahirkan satu pengalaman yang membantu pengkaji di dalam mentafsir data yang dianalisis di bahagian akhir kajian. Sebagai contoh, pembelajaran dari faktor yang menyebabkan kegagalan seni bina moden di barat disebabkan pengabaian terhadap nilai sosial di dalam pembinaan rekabentuk. Perkara ini harus diambil kira di dalam membentuk pemikiran seni bina Melayu moden.

Berbeza dengan teknik manifest analysis, seperti yang dinyatakan oleh Bengtsson (2016), latent analysis pula adalah sebuah analisis lanjutan, yang mana pengkaji dikehendaki untuk mentafsir dan menginterpretasi makna disebalik teks. Pada peringkat ini, perbincangan lanjut mengenai isu, konsep dan teori yang telah dikenalpasti dilaksanakan bagi menjawab objektif utama kajian ini di dalam merangka pembangunan konsep senibina Melayu moden.

PERKEMBANGAN MASYARAKAT MELAYU DI MALAYSIA

Sepanjang proses pembangunan negara-bangsa, masyarakat Melayu di Malaysia telah mengalami proses modenisasi (Murad, Mamat, & Hasbullah, 2016), melibatkan proses perubahan dari era tradisional kepada era moden. Dari sudut istilah, tradisional lahir dari

perkataan “tradisi” yang berasal dari bahasa latin: *traditio* yang membawa maksud “diteruskan”. Ianya membawa maksud budaya dan tingkah laku sekelompok manusia (bangsa/tribe) yang diasaskan melalui pemikiran dan imaginasi, dan diikuti dari satu generasi ke generasi yang lain. Dari konsep tradisi ini, lahir pula konsep tradisional yang merupakan satu manifestasi pemikiran terhadap pelbagai persoalan yang lahir dalam masyarakat. Ianya membentuk satu metodologi pemikiran yang berpegang teguh kepada nilai, budaya dan adat sesebuah masyarakat (Sajogyo, 1985). Dengan pembentukan nilai tradisi yang kukuh, seseorang itu akan merasa yakin bahawa perilaku seharianya adalah benar selagi mana ianya mengikut tradisi luhur bangsanya, walaupun perlakuannya tidak benar di mata seseorang yang berbangsa lain.

Manakala, istilah moden pula merujuk kepada sesuatu yang terkini, atau baru. Moden merujuk kepada tatacara kehidupan yang berorientasikan nilai kebudayaan yang terarah kepada peradaban semasa. Moden juga dilihat sebagai pembebasan dari kongkongan istiadat dan pemikiran lama, ataupun sebelumnya (Zapf, 2004). Fasa moden juga dilihat sebagai proses penerimaan nilai pluralisme, perbezaan dan penaiktarafan status kepada sesebuah institusi, dimana ianya juga melibatkan proses pembentukan masyarakat. Selari dengan konsep moden, konsep modenisasi pula merupakan proses berjalannya nilai ‘moden’ pada sesebuah institusi. Ianya merujuk kepada proses transformasi atau suatu perubahan sosial secara keseluruhannya dari suatu tahap ke tahap yang baru, dengan membawa objektif ke arah pembinaan institusi yang lebih baik. (Zapf, 2004)

Di dalam konteks pembangunan Malaysia, modenisasi masyarakat Melayu dinyatakan bermula dengan kedatangan pihak British yang telah membawa perubahan di dalam sistem politik, ekonomi, pentadbiran dan pendidikan (Kim, 1984; Murad, Mamat, & Hasbullah, 2016). Pada perspektif yang lain, Al-Attas (1990) telah mengemukakan teori modenisasi berasaskan perkembangan budaya pemikiran, ataupun disebut sebagai nilai akhlah. Di dalam konteks Negara Malaysia yang dahulunya digelar sebagai Tanah Melayu, budaya perkembangan pemikiran masyarakatnya dinyatakan telah berlaku setelah kedatangan Islam. Ini dilihat dari sudut pembangunan pemikiran dan falsafah masyarakat Melayu pada ketika itu yang jelas kelihatan melalui karya sastera, risalah yang mempunyai unsur dan nilai metafizik dan rasionalisme yang memacu perkembangan pemikiran masyarakat Melayu pada ketika itu. Salah satu hasil daripada modenisasi pemikiran ini ialah perkembangan pesat bahasa Melayu yang diintegrasikan bersama sejumlah kosa kata Arab yang seterusnya menjadi bahasa gunaan gugusan kepulauan Melayu pada ketika itu. Pada sudut yang sama, Balwi (2005) juga menyatakan perkembangan budaya pemikiran melalui pengaruh kedatangan Islam juga telah menjadi salah satu pemangkin utama kepada perkembangan peradaban bangsa Melayu. Secara kesimpulannya, modenisasi awal masyarakat Melayu telah berlaku pada dua fasa, iaitu modenisasi pemikiran melalui pengaruh Islam dan diikuti modenisasi secara institusi menyeluruh melalui pengaruh penjajahan British. Sehingga ke hari ini, pelbagai konsep Melayu moden telah dibahaskan.

Selari dengan arus modenisasi perkembangan masa, masyarakat Melayu telah menunjukkan perubahan yang jelas di dalam nilai dan sistem kehidupan mereka. Perubahan ini lazimnya adalah disebabkan suatu reaksi terhadap cabaran kepada nilai identiti mereka, semangat perkauman dan juga budaya politik yang mempengaruhi perkembangan dan pemikiran Melayu dari semasa ke semasa (Omar, 2015). Masyarakat Melayu juga disifatkan mempunyai kreativiti yang tersendiri di dalam memelihara nilai dan teras kebudayaan jati diri Melayu seiring dengan arus modenisasi. (Murad, Mamat, & Hasbullah, 2016). Pemeliharaan nilai dan teras kebudayaan ini seterusnya menjadi warisan kepada generasi mendatang. Warisan ditafsirkan sebagai sesuatu yang diterima secara

turun - temurun oleh seseorang dan sesuatu kelompok masyarakat daripada generasi yang terdahulu. Ianya menggambarkan memori kepada keseluruhan kehidupan sesuatu bangsa yang melambangkan ketamadunannya. (Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2018). Di dalam mengadaptasi nilai warisan ke dalam era moden pada hari ini, nilai warisan itu sendiri haruslah difahami secara kritis. Seperti yang dinyatakan oleh Hussain (2018), nilai warisan itu secara umumnya terletak kepada perspektif individu yang menilainya. Sesebuah warisan itu haruslah dinilai dan difahami intipatinya sebelum diwarisi ataupun diterima secara keseluruhannya. Masyarakat Melayu di Malaysia secara umumnya adalah masyarakat yang kaya dengan warisan dan kebudayaan. Di dalam konteks kajian ini, nilai warisan kebudayaan yang dibincangkan adalah nilai warisan seni bina Melayu tradisional. Pengadaptasian nilai warisan ini ke dalam kerangka masyarakat Melayu moden pada hari ini dibincangkan berdasarkan kepelbagaian konsep Melayu moden yang telah wujud pada hari ini.

Bermula dari hari pengiktirifan kemerdekaan Tanah Melayu sebagai Malaysia, pelbagai seruan dan ideologi telah diketengahkan bagi memacu pemikiran masyarakat Melayu. Tidak kurang yang dikritik, malah ada juga yang dijadikan sebagai medium perbahasan politik bagi sesetengah pihak. Kepelbagaian konsep dan ideologi lazimnya lahir dari justifikasi sebilangan pemikir Melayu di dalam membudayakan pemikiran masyarakat Melayu moden. Jika dilihat dari sudut perlembagaan, perkara 160(2), "Orang Melayu" ertinya seseorang yang menganuti agama Islam, lazim bercakap bahasa Melayu, menurut adat Melayu dan yang lahir sebelum Hari Merdeka di Persekutuan atau di Singapura (Jabatan Peguam Negara, 2010). Pentakrifan konsep Melayu berdasarkan sudut perlembagaan ini adalah simbol manifestasi pemikiran sebahagian besar masyarakat Melayu yang telah terbentuk sepanjang proses pembinaan Negara bangsa di tanah Melayu, atau Negara seperti yang dikenali hari ini, iaitu Negara Malaysia. Antara faktor pembentukan paradigma pemikiran ini ialah rentetan pelbagai peristiwa, iaitu sebahagian besarnya adalah peristiwa politik, seperti penjajahan, perjuangan kemerdekaan dan pelbagai siri peristiwa yang mempengaruhi proses perkembangan pemikiran ini. (Kim, 1984; Omar, 2015).

PENGADAPTASIAN KONSEP MELAYU MODEN KE DALAM PEMBANGUNAN BAHASA SENI BINA MELAYU MODEN

Proses modenisasi telah memacu perkembangan pemikiran masyarakat Melayu di Malaysia (Al-Attas, 1990; Balwi, 2005; Kim, 1984). Perkembangan pemikiran ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi proses pembentukan Malaysia, baik dari segi pembangunan nilai mahupun fizikal. Di dalam konteks kajian ini, aspek pembangunan fizikal yang dibincangkan adalah pembangunan karakter rekabentuk bangunan di Malaysia. Seperti yang dinyatakan oleh Hussain (2018), di awal zaman pasca kemerdekaan, ragam rekabentuk bangunan pada ketika itu telah dijadikan sebuah medium manifesto di dalam menyatupadukan kepelbagaian bangsa di Malaysia. Di satu sudut, ini dilihat sebagai refleksi pelbagai peristiwa politik yang sering tercetus pada ketika itu, terutamanya berkaitan dengan perkauman. Hassan (2012) menyatakan bahawa, rentetan peristiwa politik akan memberi impak di dalam pembinaan visual kebudayaan sesebuah masyarakat. Ini disebabkan, rentetan peristiwa politik ini mempengaruhi motivasi seseorang perekabentuk, di mana di dalam konteks kajian ini ialah arkitek. Peristiwa politik ini termasuklah peristiwa peperangan, persengketaan politik dan rampasan kuasa yang memberi kesan secara terus terhadap keazaman segenap lapisan masyarakat. Visual kebudayaan sesebuah masyarakat pula menjurus kepada komponen praktis kebudayaan sesebuah masyarakat, termasuklah

sesuatu yang boleh dilihat atupun tidak. Di sudut lain, visual kebudayaan boleh dikategorikan sebagai kepelbagaian hasil seni yang boleh dilihat pada sesuatu masyarakat, termasuklah arca, bangunan, artifak dan sebagainya. (Hassan, 2012)

Oleh itu, untuk mendefinisi bahasa seni bina Melayu moden pada hari ini, perkembangan pemikiran masyarakat Melayu di Malaysia pada masa kini haruslah dicakna berasaskan konsep dan perbincangan mengenai modenisasi Melayu yang telah dilaksana oleh pakar dan pengkaji terdahulu. Antaranya adalah konsep 'Islam sebagai tunjang dan rangka utama proses modenisasi Melayu' (Al-Attas, 1990; Balwi, 2005; Ahmad, 2001; Fadzil, 2008). Antara intipati utama modenisasi Melayu berlandaskan Islam adalah merangkumi pembudayaan nilai akhlah (Al-Attas, 1990), dan menjadikan Islam sebagai pegangan utama di dalam mengasimilasikan falsafah moden daripada barat ke dalam proses modenisasi Melayu (Al-Attas, 1993). Melalui falsafah modenisasi Islam-Melayu Al-Attas (1990,1993) ini, beliau menitikberatkan perkembangan pemikiran, tanpa menolak pengaruh daripada luar selagi mana Islam dijadikan pegangan dan tunjang utama. Di dalam konteks modenisasi seni bina Melayu tradisional, seni bina Melayu moden seharusnya berkembang dengan mengadaptasi sumber dan pengaruh bahasa seni bina luar yang telah berkembang dengan lebih maju pada masa kini. Ianya merangkumi pengadaptasian teknologi binaan semasa dan juga falsafah rekabentuk bahasa seni bina luar yang pelbagai. Proses pengadaptasian ini haruslah dilakukan secara kritis bersesuaian dengan nilai Islam dan budaya Melayu.

Intipati lain modenisasi Melayu berasaskan Islam adalah konsep 'hidup bersama dalam kepelbagaian kaum' seperti yang dikemukakan oleh Fadzil (2018). Konsep ini juga selari dengan konsep 'keterbukaan, kesederhanaan dan keihlanan di kalangan masyarakat Melayu' seperti yang diketengahkan oleh Rasdi (2018). Seruan penyatupaduan kaum di Malaysia ini juga adalah merupakan aspirasi kerajaan Malaysia di dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju (Pejabat Perdana Menteri Malaysia, 2018). Melalui aspirasi kebersamaan, keterbukaan dan penyatupaduan kaum di Malaysia ini, seni bina Melayu moden seharusnya terbuka menerima karakter kebudayaan bangsa lain. Dengan itu, perkongsian budaya, pengetahuan dan teknologi dapat diterapkan. Seni Bina Melayu moden juga seharusnya bersifat inklusif dan berupaya menjadi medium penyatupaduan kaum di Malaysia. Inilah bahasa seni bina yang seharusnya mencerminkan identiti seni bina Malaysia.

Selain itu konsep modenisasi Melayu-Islam, konsep Melayu moden pada hari ini juga dibangunkan berasaskan seruan revolusi pemikiran masyarakat Melayu tradisional. Di dalam menempuhi proses modenisasi, masyarakat Melayu telah disarankan untuk melenyapkan unsur negatif di dalam pemikiran mereka untuk berdaya saing secara adil bersama kaum dan bangsa lain di peringkat global (Alatas, 1977; Mohamad, 1970). Pada perspektif lain, Ahmad (2001) menyarankan agar falsafah moden barat diadaptasi di dalam pemikiran 'ortodoks' dan 'tradisional' masyarakat Melayu bagi membentuk masyarakat Melayu yang bersifat progresif. Jika diadaptasi konsep modenisasi daripada barat, ianya merupakan proses pembebasan dari kongkongan istiadat dan pemikiran lama. Ianya merupakan suatu proses transformasi dan perubahan sosial menyuluruh dari suatu tahap ke tahap yang baru yang lebih baik (Zapf, 2004). Konsep 'revolusi' dan 'pembebasan' ini seharusnya diadaptasi ke atas pembangunan karakter seni bina Melayu moden, merangkumi pembebasan daripada rekabentuk fizikal seni bina Melayu tradisional yang telah banyak diduplikasi ke dalam rekabentuk bangunan moden hari ini. Di samping itu, faktor transformasi sosial juga haruslah diterapkan di dalam pembangunan bahasa seni bina

Melayu moden agar ianya bertepatan dengan konteks sosiobudaya masyarakat Melayu moden pada hari ini.

KEPERLUAN PEMIKIRAN SEMULA SENI BINA MELAYU MODEN - PEMBELAJARAN DARI PERKEMBANGAN SENI BINA BARAT

Sepanjang perkembangan seni bina moden klasikal di Barat, pelbagai perdebatan mengenainya telah direkodkan. Sebahagian besar daripadanya mendukung perkembangan ideologi seni bina moden klasikal, manakala sebahagian besar pula mengkritiknya selari dengan perkembangan masa. Jika dilihat kembali, perkembangan seni bina moden klasikal ini telah berjalan hampir 500 tahun, bermula pada zaman Reinassance sehinggalah ianya terkubur dengan kedatangan pengaruh modenisme. Seperti yang dibincangkan sebelum ini, perkembangan seni bina moden klasikal ini dipacu oleh perkembangan ideologi dan pemikiran, serta perubahan aspek sosial masyarakat dari semasa ke semasa. Sebagai contoh, ketika bermulanya perkembangan seni bina klasikal, Filippo Brunelleschi telah mengetengahkan unsur pembangunan semula seni bina Rom klasikal dengan membawa semangat Reinassance bersama (Stern, 1984). Kemudian, Leon Battista Alberti pula mengetengahkan suatu penambahbaikan kepada ideologi Filippo Brunelleschi dengan memacu ideologi baru 'the five order' yang dilahirkan dari gagasan pemikiran vitrivius. (Rykwert, Leach, & Tavenor, 1988)

Kemudian, lahirnya pula Gulio Romano dan Michelangelo Buonarroti yang mengetengahkan ideologi seni, ketidakseragaman elemen yang memberi karakter baru kepada nilai estetika, digelar 'man and nature in conflict', suatu kontradiksi terhadap ideologi asal Vitrivius dan Leon Battista Alberti yang menekankan aspek keseimbangan (Stern, 1988). Seterusnya, disusuli dengan Andrea Palladio yang mula menitik beratkan hubungan sosial masyarakat, dengan menjadikan doktrin semangat humanisme dengan perlambangan tugu manusia pada bangunannya. Andrea Palladio juga mula menitikberatkan hubungan status sosial pemilik bangunan, walaupun pada satu tahap ianya dianggap diskriminasi. Selain itu, Andrea Palladio jugalah yang membuka mata para arkitek untuk lebih menjustifikasi di dalam mengadaptasi elemen klasikal kepada rekaan mereka apabila Andre Palladio mula mengambil elemen daripada bangunan kuil dan istana untuk diadaptasi pada rekabentuk villa kediaman. (Palladio, 1570/1997)

Selari dengan perkembangan zaman, lahir pula falsafah pemikiran 'enlightenment' ini telah diinterpretasi oleh Claude Perrault, di mana beliau telah mengintegrasikan nilai intelektual dan sains di dalam bahasa rekabentuk yang diketengahkan olehnya (Perrault, James, & Sturt, 1722) Seterusnya, tradisi perkembangan moden klasikal mula dipersoal dengan kelahiran semangat Neo-Klasikal yang dierajui oleh Antione Laugier. Didukung dengan semangat penjenamaan identiti, Laugier (1753/1977) telah merujuk nilai klasikal melangkaui zaman Rom dan seterusnya mengenegahkan falsafah struktur rasionalisme berdasarkan 'the primitive hut'. Melalui gagasan pemikiran ini, lahirlah Claude-Nicolas Ledoux dengan rekaan Cenotaph Newton', malah ada juga yang bercanggah dengan Antione Laugier seperti Giambattista Piranesi yang mencadangkan agar arkitek seharusnya bertindak mengikuti kebijaksanaan mereka tersendiri, bukanlah terkongkong di dalam spektrum ideologi rasional semata-mata. (Stern, 1988)

Selepas tradisi Neo-Klasikal ini, maka lahirlah pelbagai ideologi baru seperti fungsionalisme yang diperkenalkan oleh Louis Durrand dan menjana suatu bahasa seni bina baru, iaitu Gothik Revivalisme. Dibayangi dengan karakter 'jujur' pada binaan, Gothik Revivalisme

secara dasarnya lahir dari perkembangan sosiobudaya pada masa itu, yang memerlukan penekanan aspek perancangan baharu, faktor politik, romantisme yang memacu pertumbuhan semula bahasa seni bina Gothik ini. Antara pendukung utama ialah Augustus Welby Pugin yang menekankan pembentukan semula nilai sosial. Pada masa ini jugalah terdapat percanggahan ideologi yang ketara di antara pendukung moden klasikal dan juga Gothik Revivalisme, sehingga terjadinya skandal 'Battle of the Styles'. Senario ini seterusnya membawa kepada kelahiran seni bina baru yang dipeolopori oleh Viollet-le-Duc, yang lebih memfokus kepada penghayatan bahan binaan semasa dan teknologi pembinaan semasa selari dengan revolusi perindustrian pada ketika itu. Dan ini seterusnya membawa kepada bibit kelahiran modenisme, yang secara keseluruhannya telah menolak perkembangan seni bina moden klasikal, diganti dengan bahasa seni bina baru yang didokong oleh falsafah fungsionalisme dan sosialisme. Seni Bina modenisme telah berkembang dengan membawa pelbagai ideologi baru, rekabentuk baru yang tidak mempunyai hubungan dengan nilai tradisional. Sehingga pada satu tahap, seni bina modenisme ini juga akhirnya ditolak oleh sebahagian besar arkitek di atas sifatnya yang dikatakan gagal berkomunikasi. Maka lahirlah bahasa seni bina pasca-modenisme, yang mana salah satu cabangnya adalah pemikiran semula seni bina klasikal di dalam pembangunan rekabentuk moden.

Secara keseluruhannya, pertembungan ideologi, dan percanggahan budaya telah merubah landskap perkembangan seni bina moden klasikal di Eropah dari masa ke masa. Salah satu faktor yang mempengaruhinya ialah perkembangan pemikiran yang melahirkan semangat perjuangan baru, seperti semangat kesedaran pada zaman enlightenment, semangat memperjuangkan identiti dan semangat revolusi pengindustrian yang memberi impak yang sangat besar kepada perkembangan seni bina di Barat. Impak ini juga telah mengubah landskap sosio-budaya dan sosio-ekonomi secara total. Seperti yang diterangkan sebelum ini, isu sosial mula bangkit ketika fahaman humanisme menular di barat. Maka, Andrea Palladio pada ketika itu telah mula mengintegrasikan aspek sosial pada rekaannya, walaupun ianya bersifat diskriminasi terhadap kaum miskin. Isu sosial kemudiannya kembali bangkit ketika zaman kebangkitan semula seni bina Gothik, yang mana pada ketika itu struktur sosial masyarakat mula berkembang dan berubah. Seterusnya, isu fungsionalisme dan isu moraliti mula dipersoalkan sehingga melahirkan bahasa dan pendekatan seni bina yang baru. Maka seni bina harus merespon dengan menitikberatkan rekabentuk dan perancangan yang menjawab perubahan struktur sosial ini.

Seiring berlakunya zaman revolusi perindustrian, perkembangan struktur sosial masyarakat barat pada ketika itu terus meruncing, di mana sehingga ke satu tahap berlakunya penindasan dan kapitalisme. Di mana, golongan kaya akan terus kaya, dan golongan miskin terus terbeban dengan kekangan kos hidup yang tinggi disamping pendapatan yang sangat kecil. Maka lahirlah ideologi sosialisme, yang diperkenalkan oleh Karl Marx dan juga Frederich Engels. Ideologi sosialisme ini menular begitu pesat dikalangan masyarakat. Maka, sekali lagi seni bina baru terbentuk, sebagai merespon kepada senario ini. Di zaman dahulunya arkitek hanya merekabentuk villa, dan kediaman untuk golongan bangsawan. Manakala pada masa itu, arkitek terpaksa untuk merekabentuk bangunan kediaman bagi segenap lapisan masyarakat. Disinilah gagasan seni bina moden terbentuk.

Menyingkap sejarah perkembangan seni bina Malaysia seperti yang dibincangkan di bahagian sebelumnya, proses transformasi seni bina Melayu tradisional kepada seni bina Melayu moden di Malaysia adalah suatu proses yang singkat. Jika dibandingkan dengan proses perkembangan seni bina moden klasikal di Barat, ianya merupakan proses yang sangat panjang sehingga ratusan tahun. Berdasarkan perkembangan modenisasi seni bina

klasikal yang berlaku di Barat, perubahan struktur sosial merupakan salah satu faktor utama yang merubah pemikiran seni bina dari semasa ke semasa. Sehingga ke hari ini, seperti yang berlaku di barat, perubahan struktur sosial yang ekstrim masih tidak lagi berlaku di Malaysia. seperti yang dibincangkan pada bahagian sebelumnya, masyarakat Melayu di Malaysia telahpun melalui proses modenisasi melibatkan proses perubahan dari era tradisional kepada era moden (Murad, Mamat, & Hasbullah, 2016). Selari dengan arus modenisasi, masyarakat Melayu telah menunjukkan perubahan yang jelas di dalam nilai, sistem kehidupan dan sosio-budaya mereka (Omar, 2015). Dari perspektif seni bina, proses modenisasi ini telah mencetus tradisi penyingkiran seni bina vernakular, iaitu seni bina Melayu tradisional (Mursib, 2008). Ianya mengakibatkan pembangunan bahasa seni bina moden berkembang dengan lebih pesat, berbanding pembinaan seni bina tradisional ataupun vernakular yang hanya tertumpu di kawasan luar bandar (Vlatseas, 1998). Penolakan terhadap seni bina Melayu tradisional ini telah berlaku secara semula jadi di atas perubahan sosio-budaya masyarakat selari dengan perkembangan masa. Seperti yang berlaku di barat, pemikiran semula pembangunan seni bina Melayu moden seharusnya ditunjangi oleh karakter sosio-budaya masyarakat pada hari ini yang telah berubah dari karakter sosio-budaya masyarakat lampau.

Seruan pembinaan identiti seni bina nasional telah diusulkan oleh sebahagian besar arkitek dan juga pihak kerajaan ketika zaman pasca kemerdekaan, sebagai respon kepada kecelaruan bahasa seni bina di negara pada masa itu. Melalui usaha pembangunan identiti seni bina nasional ini, pembangunan seni bina Melayu moden telah terbentuk hasil daripada sintesis teknik pembangunan moden dan penonjolan nilai kemelayuan pada rekabentuk fizikal bangunan. Sehingga ke hari ini, konteks pembangunan seni bina Melayu moden di Malaysia hanyalah tertakluk kepada konteks pengadaptasian semula warisan seni bina Melayu tradisional dan juga perlambangan warisan kesenian Melayu pada rekaan bangunan moden. Seperti yang dibincangkan di bahagian sebelumnya, cubaan modenisasi seni bina Melayu tradisional dilihat hanya tertumpu kepada pengadaptasian rekabentuk bangunan semata-mata. Seperti yang dinyatakan oleh Rasdi (2018), pembangunan seni bina Melayu moden seperti ini telah dikategorikan sebagai 'perangkap' di dalam identiti yang menghasilkan pembangunan rekabentuk yang hanya 'terkongkong' kepada aspek fizikal semata-mata. Akibatnya, sesetengah pihak seperti golongan pemaju enggan memberi kerjasama di dalam membina bangunan yang mencerminkan identiti nasional (Surat, et al., 2010). Lantas, ianya akan menyebabkan kerencatan di dalam pembangunan seni bina Melayu Moden, di mana sehingga ke hari ini, jumlah binaan moden berwajah Melayu adalah kecil (Ibrahim, 2014).

Dalam konteks pembangunan seni bina di Malaysia, sehingga ke hari ini masih tiada lagi pembaguan 'tradition of reform', pembentukan semula bahasa seni bina seperti yang dilakukan oleh Antoine Laugier di Barat yang membentuk semula bahasa seni bina baru. Laugier (1753/1977) telah mencadangkan pembangunan seni bina moden klasikal yang luhur dengan semangat 'rasionalisme' melalui rekabentuk 'Primitive Hut'. Beliau secara drastik menanggalkan kesemua elemen ornamen sarat pada rekabentuk fizikal seni bina moden klasikal Reinassance pada ketika itu. Hasil dari 'tradition of reform' Antoine Laugier ini, maka lahirlah wacana pemikiran semula seni bina moden klasikal yang lebih terbuka, melalui kritikan, pandangan dan perdebatan yang merevolusi pemikiran semula modenisasi seni bina klasikal di Barat. Hasilnya, lahirlah tradisi seni bina Neo-Klasikal dan Gothik Revivalisme yang berlainan dengan bahasa seni bina moden klasikal Reinassance di zaman sebelumnya. Di dalam konteks pembangunan seni bina Melayu moden di Malaysia pada hari ini, pembangunan 'tradition of reform' seharusnya berlaku bagi membebaskan

paradigma 'perangkap' dan 'kongkongan' pemikiran seni bina Melayu moden yang sedia ada pada hari ini.

KESIMPULAN

Intipati dari perbincangan mengenai proses perkembangan masyarakat Melayu melalui proses modenisasi telah dibincangkan, telah wujud pelbagai konsep Melayu moden yang telah dibangunkan berdasarkan perkembangan masyarakat Melayu di Malaysia. Proses modenisasi ini juga telah mengakibatkan perubahan sosiobudaya, di mana melalui perubahan ini, ianya sedikit sebanyak telah mempengaruhi proses perkembangan seni bina di Malaysia. Sungguhpun proses perkembangan seni bina di Malaysia dipengaruhi besar oleh proses penjajahan dan kedatangan pengaruh asing, akan tetapi proses perubahan sosiobudaya inilah yang telah mencetus tradisi penyingkiran budaya vernakular. Tradisi ini telah menyebabkan pembangunan rekabentuk vernakular seni bina Melayu tradisional secara perlahan-lahan ditinggalkan, dan penerimaan rekabentuk moden dibangunkan secara pesat. Sungguhpun usaha mengadaptasi nilai rekabentuk seni bina Melayu tradisional ke dalam pembangunan rekabentuk moden telah dilaksanakan, sebahagian besar daripadanya adalah bersifat regresif dan terkonkong dengan budaya lama. Melalui pembelajaran dari perkembangan seni bina moden klasikal di barat, perubahan struktur sosial dari semasa ke semasa telah mempengaruhi proses perkembangan seni bina. Sehingga ke satu tahap, pengadaptasian nilai klasikal telah ditolak secara total sejurus kelahiran bahasa seni bina modenisme. Sehingga pada akhirnya seni bina modenisme terkubur akibat kegagalan berinteraksi dengan perubahan struktur sosial, seni bina pasca modenisme lahir dengan menghubungkan kembali nilai tradisi pada seni bina klasikal ke dalam rekabentuk moden pada masa itu. Justeru, melihat kepada perkembangan seni bina barat yang secara drastiknya dipengaruhi oleh perubahan struktur sosial, adalah sangat penting perangkaan pembangunan definisi seni bina Melayu moden dibangunkan berasaskan kepelbagaian konsep Melayu moden yang lahir daripada gagasan perubahan sosiobudaya masyarakat Melayu di Malaysia.

RUJUKAN

- [1] Ahmad, K. (2001, April 3). Jadikan Melayu Progresif. Utusan Malaysia.
- [2] Al-Attas, S. M. (1990). Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu. Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- [3] Al-Attas, S. M. (1990). Islam and Secularism. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization
- [4] Balwi, M. K. (2005). Peradaban Melayu. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia
- [5] Bengtsson, M. (2016). How to Plan and Perform a Qualitative Study Using Content Analysis. NursingPlus Open, 8-14.
- [6] Endut, E. (1993). Traditional Malaysian Built Forms: A Study of The Origins, Main Building Types, Development Or Building Forms, Design Principles and The Application Or Traditional Concepts In Modern Buildings. (Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan).

University of Sheffeld, United kingdom.

[7] Fadzil, S. (2018). Hidup Bersama Dalam Kepelbagaian: Islam dan Budaya Damai. Pidato Umum, Bilik Senat Universiti Kebangsaan Malaysia. 17 Okt. Bangi.

[8] Fee, C. V. (1998). Introduction. In C. V. Fee, *The Encyclopedia of Malaysia: Architecture* (pp. 6-7). Kuala Lumpur: Archipelago Press.

[9] Hassan, W. E. (2012). The Impact of Political Events on the Development of Society Visual Cultur. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 51 (2012) , 908-915.

[10] Hewish, R. (1956). The influence of the West, Towards a Malayan Architecture. In PETA (pp. 2-14). Kuala Lumpur: Federation of Malaya Society of Architects.

[11] Hussain, N. (2018). Dlm. Forum Gagasan Seni Bina Melayu Baharu. Sambutan Kempen Membaca Kebangsaan Dewan Bahasa dan Pustaka. 4 Oktober 2018. Kuala Lumpur.

[12] Honey, R. (1960). An Architecture for Malaya. In PETA (pp. 1-3). Kuala Lumpur: Federation of Malaya Society of Architects.

[13] Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (1981). Laporan Seminar Ke Arah Identiti Kebangsaan Dalam Seni Bina, 20 – 23 Januari 1981. Kuala Lumpur.

[14] Kim, K. K. (1984). *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.

[15] Laugier, M.A. (1977). *An Essay on Architecture*. (Wolfgang & A. Herrman, Terjemahan). Los Angeles: Hennesey & Ingalls. (Penulisan asal diterbitkan pada 1753)

[16] Majid, H. A. (2017). 1st Decade to 3rd Decade Discussion. Merdeka Jubilee Architecture Symposium. 26 August 2017. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

[17] Murad, M. H., Mamat, M. Z., & Hasbullah, M. (2016). Melayu Dalam Perubahan. The 1st International Conference on Islam and Contemporary Issues in The Muslim World: Challenges Way Forward. 5-6 Disember. Kuala Lumpur.

[18] Moerdijat, A. (2018, Disember 12). Identiti Senibina Nasional Dalam Rekabentuk Masjid Putra. (A. B. Sabil, N. Utaberta, & S. Ismail, Interviewers)

[19] Morley, P. G. (1955). Malay Timber Buildings, Towards a Malayan Architecture. In PETA (pp. 2-16). Kuala Lumpur: Federation of Malaya Society of Architects.

[20] Mursib, G. (2008). *Pemikiran dan Sahutan Regionalisme dalam Wacana Senibina Malaysia*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

[21] Omar, A. (2015). *Bangsa Melayu - Malay Concepts of Democracy and Community, 1945-1950*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.

[22] Palladio, A. (1997). *The Four books on Architecture* (R. Tavernor, & R. Schofield, Terjemahan). London: The MIT Press. (Penulisan asal diterbitkan pada 1570)

- [23] Pejabat Perdana Menteri Malaysia (2018). Malaysia Sebagai Negara Maju. Diperoleh dari laman sesawang Pejabat Perdana Menteri Malaysia pada pautan:<https://www.pmo.gov.my/ms/wawasan-2020/malaysia-sebagai-negara-maju/#>
- [24] Perrault, C., James, J., & Sturt, J. (1722). *A Treatise of the Five Orders in Architecture: To which is Annex'd, A Discourse Concerning Pilasters, and of Several Abuses Introduc'd Into Architecture*. Berkeley: University of California (Cetakan Digital 2014).
- [25] Possener, J. (1957). *Architecture in Malaya Impressions of a newcomer*. In PETA (pp. 1-9). Kuala Lumpur: Federation of Malaya Society of Architects.
- [26] Rasdi, M.T.M. & Nah O. T. (2009, November 8). The little Hall That Could - A Humble Structure Down South Offers Glimpse of the Way Forward for Malaysian Administrative Architecture. *The Star Malaysia*.
- [27] Rasdi, M.T.M. (2018, September 7) The Bumiputera congress and Azmin's New Malay. *Free Malaysia Today*. Diperoleh dari: <https://www.freemalaysiatoday.com/category/opinion/2018/09/07/the-bumiputera-congress-and-azmins-new-malay/>
- [28] Rasdi, M.T.M, & Sabil, A. b. (2018). The Architectural Thoughts of Hijjas Kasturi on the concept of a National Architectural Identity. *PERTANIKAJOURNAL OF SOCIAL SCIENCE AND HUMANITIES*, 237-244.
- [29] Rasdi, M. T. M. (2018). Dlm. Forum Gagasan Seni Bina Melayu Baharu. Sambutan Kempen Membaca Kebangsaan Dewan Bahasa dan Pustaka. 4 Oktober 2018. Kuala Lumpur.
- [30] Sajogyo, P. (1985). *Sosiologi Pembangunan: Ciri-Ciri Masyarakat Moden*. Jakarta: Fakultas Pasca Sarjana IKIP.
- [31] Rykwert, J., Leach, N., & Tavenor, R. (1988). *Leon Battista Alberti On the Art of Building in Ten Books*. London: The MIT Press.
- [32] Stern, R. A. (1988). *Modern Classicism*. Washington: Thames and Hudson.
- [33] Surat, M., Tahir, M. M., Usman, I., Ani, A. I., Goh, N. A., Tawil, N. M., et al. (2010). Re-evaluating the Idea of a Malaysian Architectural Identity Towards a Sustainable Environment. *Recent Advances in Energy & Environment*, 25-30.
- [34] Utaberta, N. (2011). Isu Keadaan Sosial - Masyarakat, Perkembangan Idea dan Pembentukan Kerangka Nilai dari Senibina Moden di Eropah pada Awal Abad ke-20. In N. Utaberta, N. A. Goh, N. Spalie, & M. M. Tahir, *Ke Arah Senibina Baru* (pp. i-xxvii). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [35] Vlatseas, S. (1998). Chronology. In C. V. Fee, *The Encyclopedia of Malaysia Architecture* (pp. 8-9). Kuala Lumpur: Archipelago Press.
- [36] Yong, K. P. (1956). *Chinese Building in Malaya, Towards a Malayan Architecture*. In PETA (pp. 2-12). Kuala Lumpur: Federation of Malaya Society of Architects.

[37] Zapf, W. (2004). Modernization Theory – and the Non-Western World. Conference Comparing Processes of Modernization, University of Potsdam (pp. 1-14). Berlin: Gesis Publikationen.

PENGHARGAAN

Perlaksanaan kajian ini dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui skim geran penyelidikan 'Fundamental Research Grant Scheme' (FRGS) (FRGS/1/2021/WAB09/UTHM/03/1) bertajuk Modenisasi Senibina Melayu Tradisional: Eklorasi Kerangka Asas Senibina Melayu Moden (SMM) di Malaysia Berteraskan Model Peyelidikan 'Research Onion'. Penulis juga melahirkan penghargaan di atas sokongan berterusan dari pihak Jabatan Senibina dan kumpulan fokus ASDARS Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, dan juga kumpulan penyelidikan WARIS, Universiti Putra Malaysia.